

## CUEPACS perlu realistik kemuka tuntutan

**Merujuk** kenyataan CUEPACS baru-baru ini, saya terpenggil untuk mengulas kenyataan kesatuan itu membabitkan arahan bekerja dari rumah susulan pandemik COVID-19.

Pada hemat saya, CUEPACS tidak wajar membangkitkan isu tuntutan terhadap penggunaan telefon bimbit dan data internet.

Kebajikan penjawat awam sentiasa dijaga kerajaan membabitkan kenaikan pangkat, gaji, elaun dan kemudahan lain disediakan kerajaan.

Berhubung pematuhan arahan bekerja dari rumah, kerajaan memberikan waktu kerja fleksibel dengan arahan bekerja dari rumah dan penggiliran bertugas di pejabat dilaksanakan bersama mengikut syarat ditetapkan.

Namun, semua arahan bekerja dari rumah perlu mendapat kelulusan ketua jabatan masing-masing.

Pengorbanan penjawat awam amat ditagih dalam melaksanakan tugas di pejabat ataupun di rumah.

‘Tidak perlu berkira ketika mengu-



nakan kemudahan sendiri kerana pada masa ini perlu ada situasi menangan dalam melaksanakan arahan.

Pada masa sama, niatkan keikhlasan kita bekerja sebagai ibadah yang pasti ada ganjaran-Nya. Kalau diikutkan sumber pendapatan kakitangan di sektor awam kurang terjejas dan pendapatan mereka masih dibayar kerajaan.

CUEPACS sepatutnya perlu idealistik, realistik dan berhemah dalam melontarkan pandangan.

Konsep bersyukur dan prihatin perlu ada pada setiap kepemimpinan CUEPACS dalam menaikkan semangat penjawat awam terutama bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

Kita mengharapkan CUEPACS boleh menyuntik semangat penjawat awam supaya dapat meningkatkan produktiviti, integriti dan motivasi kerja tinggi.

Selain itu, sentiasa menghasilkan kaedah kerja yang lebih efisien mengi-

kut arus perkembangan semasa. Sepatutnya perkara sebegini perlu sentiasa diuar-uarkan.

Oleh itu, pengenalan dasar bekerja dari rumah oleh kerajaan ialah satu pendekatan baharu dalam perkhidmatan awam khususnya ketika pandemik.

Dasar ini sudah pasti dinilai keberkesanannya. Sebaiknya, CUEPACS menggesa semua ketua jabatan dapat mematuhi dasar diketengahkan ini.

Semua pihak perlu berganding bahu dengan pengalaman, kemampuan dan kemahiran yang sedia ada untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti serta efisien kepada rakyat dan negara.

Diharapkan imej perkhidmatan awam berada pada tahap membanggakan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada penjawat awam yang pengoperasian perkhidmatan awam berjalan seperti biasa ketika pandemik.

**DD,**  
Kuala Lumpur